

**DINAR EMAS SEBAGAI MATA WANG DAN KOMODITI DI  
BEBERAPA NEGARA TERPILIH**  
**(GOLD DINAR AS A CURRENCY AND COMMODITY IN  
SELECTED COUNTRIES)**

SALMY EDAWATI YAACOB  
MOHD AL ADIB SAMURI  
MOHD IZHAR ARIF MOHD KASHIM  
EZAD AZRAAI JAMSARI  
MOHAMAD ZULFAZDLEE ABUL HASSAN ASHARI

**ABSTRAK**

Dinar emas merupakan mekanisme alternatif yang dicadangkan oleh ahli-ahli ekonomi dunia sebagai penyelesaian kepada krisis mata wang global. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menilai realiti semasa penggunaan dinar emas pada masa kini, di samping meneliti pengaplikasian dinar emas ini di negara-negara yang memanfaatkan dinar emas seperti Malaysia, Indonesia, Emiriah Arab Bersatu (Dubai), United Kingdom (Norwich) dan Afrika Selatan (Cape Town). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi analisis kandungan. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat pelbagai bentuk pengaplikasian dinar emas di negara-negara di atas, sama ada ia digunakan sebagai mata wang atau komoditi. Penggunaannya dalam aspek mata wang ialah seperti transaksi pembayaran secara fizikal dan elektronik (e-dinar) serta pembayaran zakat. Manakala penggunaan dinar emas dalam aspek komoditi dilaksanakan dalam bentuk pelaburan, simpanan (wadiyah), urusan haji, pemberian cenderamata dan juga dijadikan sebagai hantaran perkahwinan. Kajian ini amat relevan kerana ia dapat memenuhi keperluan umat Islam untuk kembali kepada penggunaan dinar emas. Namun demikian, realiti semasa memperlihatkan penggunaan dinar emas adalah lebih sesuai

diaplikasikan dalam bentuk komoditi berbanding mata wang. Kajian lanjutan boleh dilakukan dengan meneliti kekangan dan halangan dalam sesebuah negara bagi mengaplikasikan dinar emas sebagai mata wang. Dengan demikian, keharmonian sistem kewangan Islam dapat direalisasikan.

**Kata kunci:** Dinar emas, emas sebagai komoditi, mata wang, emas sebagai mata wang

## ABSTRACT

Gold Dinar is been considered as an alternative by world economists as solution to global currency crisis. Therefore, this study aims to evaluate the practical utility of gold dinar in countries that currently use gold dinar such as Malaysia, Indonesia, United Arab Emirates (Dubai), United Kingdom (Norwich) and Africa South (Cape Town).

This study used qualitative methods through content analysis. The study shows that there are various forms of application of gold dinar in those countries either as currency or commodity. The usage in currency such as physical currency (dinar durham), electronic payments (e-dinar) and *zakat* payment. While, using of gold dinar in commodities aspects such as for asset of investment, savings (deposits), pilgrimage (*Hajj*), gifts, and also used as wedding gifts. This study is relevant because it can fulfill the Muslim's objective to return the using of gold dinar. However, the current reality shows that using gold dinar is more suitable to be applied in form of commodities compared to currency. Further research can be done by scrutinizing the constraints and obstacles in a country to apply the gold dinar as currency. Thus, the harmony of the Islamic financial system can be realized.

**Key words:** gold dinar, gold as commodities, currencies, gold as money

## Pengenalan

Dinar emas Islam pertama yang telah diperkenalkan pada zaman Imam Malik bin Marwan pada tahun 660 dan digunakan sehingga zaman kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniah pada tahun 1924. Isu untuk memartabatkan kembali penggunaan dinar emas mula dibahaskan setelah negara-negara ASEAN dilanda krisis mata wang yang teruk pada tahun 1997/98. Justeru, pada tahun 2001 Tun Dr Mahathir Mohammad, bekas Perdana Menteri Malaysia telah mengutarakan cadangan kepada OIC bagi menggunakan dinar emas dalam perdagangan antarabangsa. Saranan dan usaha beliau telah membuka mata kepada penganalisis ekonomi, ahli akademik dan para cendikiawan Islam untuk meneliti dan mengkaji kewajaran penggunaan kembali dinar emas. Rentetan dari itu beberapa buah negara di dunia cuba mengaplikasi dinar emas dalam transaksi harian mereka.

Menurut Guyer & Stiansen (1999) dinar emas merupakan mata wang emas yang berasal dari Rom dan dirham pula mata wang perak yang berasal dari Parsi. Mata wang ini merupakan syiling emas dan perak yang telah dikeluarkan dan digunakan di wilayah-wilayah Empayar Byzantium dan Empayar Sasan. Mata wang emas Byzantium yang dipanggil *solidus* dan mata wang perak Sasan yang dipanggil *drachm* terus digunakan walaupun setelah pemerintahan Islam bangkit di Madinah. Orang Arab sebelum Islam mengenali syiling emas Byzantium sebagai Dinar (daripada perkataan *denarius* Roman) dan syiling perak Sasan sebagai dirham. Panggilan-panggilan ini kekal selepas Islam. Orang Islam juga terus menggunakan syiling gangsa tempatan Byzantium (Anwar 2002). Dinar emas ini dikenali sebagai dinar syar'ie umat Islam apabila Khalifah Abd Malik bin Marwan mengeluarkan dinar Islam pertama iaitu pada tahun 76H (696-697M) (Dawud 1997; Ahmad 1999; Pamuk 2000). Dinar Islam ini bernilai satu *mithqal* iaitu ringan sedikit daripada dinar Rom iaitu

4.25 gram berbanding dinar Byzantine 4.55 gram. Menurut Nasir (t.th), berat dinar Islam yang diputuskan oleh Khalifah Abd Malik ini dipersetujui oleh *ahl al-hall wa al-aqd*<sup>1</sup> (دقع لـ حلـاـلـاـ) dan semua sahabat serta tabi'in yang hidup pada zaman tersebut.

Walau bagaimanapun, penggunaan dinar emas dan dirham perak dalam sistem kewangan dunia telah berakhir pada tahun 1924 iaitu selepas kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah. Dinar emas moden pertama telah ditempa dan dilancarkan pada 7 November 2001 oleh Islamic Mint yang bergabung dengan Thomas Cook Rostamani Exchange Company dan Dubai Islamic Bank di Amiriah Arab Bersatu (UAE) (Umar Ibrahim Vadillo 2002). Sehingga hari ini terdapat lima kilang dinar emas di dunia iaitu di Dubai, Sepanyol, Afrika Selatan, Amiriah Arab Bersatu dan Indonesia<sup>2</sup> (Dahinden 2008). Oleh itu, unit dinar emas dan dirham perak telah beredar di hampir seluruh dunia dan tidak hairanlah sekiranya beberapa buah negara di dunia telah mempraktikkan penggunaannya sebagai salah satu instrumen dalam sistem kewangan. Kajian ini bertujuan untuk menilai realiti semasa penggunaan dinar emas pada masa kini, di samping meneliti pengaplikasian dinar emas ini di negara-negara yang memanfaatkan dinar emas seperti Malaysia, Indonesia, Emiriah Arab Bersatu, United Kingdom dan Afrika Selatan.

<sup>1</sup> *ahl al-hall wa al-aqd* mengikut bahasa ialah mereka yang berkelayakan untuk mengungkai dan mengikat. Mereka ialah orang yang mewakili umat Islam bagi melantik dan menjatuhkan seseorang khalifah atau pemimpin lain. Mereka mestilah terdiri dari seorang Islam, berakal, cukup umur, adil, merdeka dan mampu menilai. Biasanya pada zaman dahulu mereka ialah orang yang mempunyai pengaruh dalam masyarakat setempat dan ulama-ulama Islam. Pada hari ini kedudukan *ahl al-hall wa al-aqd* hampir menyamai ahli parlimen dengan perbezaan-perbezaan pada syarat dan kelayakan. Lihat Cyri & Huston (2002).

<sup>2</sup> Malaysia bakal menjadi pengilang dinar emas ke enam dunia sekiranya permohonan e-dinar daripada kerajaan Malaysia diluluskan kelak. Antara tempat yang dicadangkan ialah Labuan dan Kuala Lumpur, sila lihat Utusan Malaysia pada 22 Januari 2008.

## **Latar Belakang Kajian**

Kajian paling awal mengenai penggunaan dinar emas telah dilakukan oleh al-Maqrizi (1957) pada zaman kerajaan Mamluk. Manakala, selepas itu terdapat kajian-kajian lain yang dilakukan, antaranya ialah kajian oleh Umar Ibrahim Vadillo (2002), Ahamad Kameel Mydin Meera (2002), Nuradli Ridzwan Shah (2004), Zuhaimy Ismail (2003), Muhammad Nasri Husin & Azizi (2004) dan Hosein (2008), Zaim (2005), Mahani (2008), Salmy Edawati & Sanep (2009) dan Morrison (2009).

Idea dan cadangan untuk mengembalikan penggunaan dinar emas dalam sistem kewangan bukanlah perkara baru kerana al-Maqrizi (1957) dalam bukunya *Ighathah al-'Ummah bi Kasyfi al-Ghummah* dengan jelas menyentuh mata wang umat Islam adalah daripada emas dan perak. Al-Maqrizi (1957) telah mencadangkan penggunaan kembali mata wang dinar dan dirham apabila negaranya dilanda inflasi yang teruk akibat percetakan tembaga sebagai mata wang pecah (*fulus*) secara berleluasa. Al-Maqrizi menegaskan bahawa penggunaan dinar emas fizikal sebagai mata wang boleh mengelak inflasi. Mata wang tembaga pada masa itu boleh mewujudkan inflasi kerana tembaga mudah dicipta dan dihasilkan berbeza dengan mata wang emas dan perak. Justeru itu, Al-Maqrizi (1957) merumuskan bahawa kestabilan sistem kewangan dapat dicapai apabila tiga perkara ini dapat diwujudkan dalam sesebuah ekonomi. Tiga perkara tersebut ialah menggunakan emas dan perak sebagai mata wang, mengelakkan pengurangan nilai dalam mata wang (devaluation) dan mengehadkan percetakan *fulus* (wang pecah).

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa krisis mata wang dan inflasi yang berlaku pada era sekarang terutama krisis mata wang pada tahun 1997 adalah keadaan sama yang pernah disebut oleh al-Maqrizi (1957). Krisis mata wang 1997 menyaksikan lambakan mata wang Asia sehingga menjatuhkan nilai mata wang tersebut

secara mendadak. Menurut Mahathir Mohammad (2000) krisis mata wang Asia ini disebabkan oleh serangan spekulatif ke atas mata wang negara-negara Asia dengan kegiatan jualan singkat oleh pedagang-pedagang mata wang. Serangan spekulatif ini telah menjatuhkan nilai mata wang ringgit Malaysia, bath Thailand dan rupiah Indonesia. Rentetan itu, inflasi yang teruk telah berlaku kerana inflasi akan meingkatkan kos pengeluaran dan akan menyebabkan kejatuhan nilai (Saiful Azhar & 'Imad Rafiq Barakat 2002).

Rentetan daripada itu, Tun Dr. Mahathir Mohammad selaku Perdana Menteri Malaysia pada masa itu mencadangkan penggunaan kembali dinar emas. Ini kerana sistem kewangan dunia semasa gagal menangkis serangan spekulator mata wang sehingga mengakibatkan mata wang di kebanyakan negara termasuk Malaysia jatuh mendadak pada tahun 1998 (Utusan Malaysia 2002. 29 Jun). Mata wang utama dunia seperti AS dolar dan pound sterling boleh mempengaruhi mata wang tempatan dan akan menyebabkan ketidakstabilan ekonomi di negara-negara Timur Tengah dan Asia. Oleh itu, Mahathir (2001) berpendapat dinar emas merupakan satu mekanisme yang penting untuk membantu negara-negara kecil daripada ketidakstabilan dan ketidakadilan dalam sistem ekonomi global.

Cetusan idea dan cadangan Tun Dr. Mahathir itu menjadi titik mula gerakan ke arah menggunakan kembali dinar emas dalam abad ke 21. Sehubungan dengan itu terdapat kajian yang dibuat oleh Vadillo pada tahun 2002 dan telah menggariskan 4 perkara asas yang perlu dibangunkan bagi menjayakan pelaksanaan dinar emas sebagai mata wang iaitu; Mengeluarkan dan menempa dinar emas dan dirham perak, kebebasan dalam menjual, membeli melalui pantauan undang-undang Islam, kemudahan pengangkutan dan perpindahan emas (antarabangsa) dan menukar semua wang kertas dengan mata wang dinar dan dirham.

Manakala, Hosein (2008) pula mencadangkan penggunaan dinar emas dan dirham perak dalam pasaran mikro yang terletak di luar kawasan bandar. Penggunaannya secara persendirian di dalam urus niaga harian yang tidak melibatkan institusi perbankan. Contohnya penanam padi di pedalaman Gua Musang, Kelantan akan digerakkan untuk menuntut supaya hasil jualan padi mereka dibayar dengan menggunakan dinar emas. Maka, penduduk setempat perlu memiliki dan menggunakan dinar emas sebagai bayaran untuk mendapatkan beras. Andai kata pembeli enggan membayar dengan dinar emas, petani tersebut akan menjadikan padi mereka sebagai wang dan menggunakannya sebagai bahan pertukaran dalam urusan perniagaan mereka. Penggunaan padi sebagai wang merupakan tindakan sementara dan hanya dapat berfungsi dalam urusan kecil-kecilan sahaja. Cara ini secara tidak langsung akan mendedahkan penduduk pedalaman kepada nilai mata wang sebenar dan seterusnya dapat menerima dinar emas sebagai transaksi harian mereka.

Selain itu, terdapat beberapa kajian lain yang dilihat sehaluan dengan pandangan Hosein (2008). Kajian-kajian tersebut adalah daripada Zaim (2005), Mahani (2008), Salmi Edawati & Sanep (2009) dan Morrison (2009). Mereka berpendapat penggunaan dinar dan dirham perak akan menjadi realiti sekiranya masyarakat semakin sedar tentang kelebihan mata wang tersebut. Kajian-kajian ini membuktikan bahawa penggunaan fizikal dinar emas telah diterima pakai oleh segelintir masyarakat dunia dalam tempoh yang lama. Segelintir masyarakat ini mengamalkan penggunaan dinar emas dalam kelompok yang kecil atau kumpulan masing-masing. Timbul persoalan di sini, bagaimanakah bentuk penggunaan dinar emas tersebut, adakah sebagai mata wang atau komoditi atau kedua-duanya sekali?

## **Perbincangan Dan Hasil Kajian**

### **Penggunaan Dinar Emas Di Indonesia**

Indonesia merupakan antara negara yang telah lama mengamal dan menggunakan dinar emas sebagai salah satu instrumen dalam sistem kewangan mereka. Antaranya ialah dalam pembayaran zakat, simpanan untuk menunaikan haji, pelaburan dan transaksi sebagai mata wang.


#### ***i) Simpanan Untuk Menunaikan Haji ke Mekah***

Pada tahun 1997 sehingga 1998 krisis mata wang telah menjatuhkan rupiah Indonesia hampir 600% (Mahathir 2000). Rentetan krisis ini ramai rakyat Indonesia yang menyimpan rupiah tidak dapat ke Mekah pada tahun tersebut. Oleh itu, pengenalan dan penggunaan ONH (Ongkos Naik Haji) yang berteraskan dinar emas sebagai simpanan harta untuk urusan haji mampu merealisasikan impian rakyat Indonesia. Simpanan kepada bakal haji Indonesia dalam bentuk dinar emas telah dilaksanakan bermula tahun 2000. Urusan ini diselenggara oleh ONH ([www.logamulia.com](http://www.logamulia.com), 12 Sept 2008). Menurut Hamidi (2007) jemaah haji yang menyertai ONH ini terlibat dengan aktiviti menyimpan dan melaburkan dinar emas melalui *Gold Accumulation Plans Scheme* (GAPs). Melalui skim ini jemaah haji akan memperolehi beberapa keuntungan iaitu keuntungan daripada harga emas yang sentiasa meningkat, keuntungan daripada pelaburan dan sebagai satu simpanan yang adil dan selamat.

Model pelaburan GAPs ini telah digunakan dalam pembayaran pembelanjaan haji yang dikenali sebagai Tabungan Haji Investatif (THI). Wang simpanan dirima setiap bulan daripada bakal jemaah haji ialah dalam bentuk rupiah dan akan disimpan di dalam bank mengikut nilai emas. Tempoh simpanan ini biasanya setahun namun boleh dipanjangkan atas budi bicara penyimpan dengan pihak bank.

Simpanan emas jemaah tersebut akan dilaburkan mengikut prinsip syariah Gambar rajah 1.1 menunjukkan aliran dana dalam Tabungan Haji Investatif (THI) (Hamidi Luthfi 2007).

**Gambar rajah 1.1: Aliran Dana Dalam Tabungan Haji Investatif (THI)**



Sumber: M. Lutfi Hamidi (2007), *Gold Dinar: Sistem Moneter Global Yang Stabil dan Berkeadilan*, Jakarta: Senayan Abadi Publishing

Aliran ini menunjukkan simpanan rupiah penyimpan (di bank yang telah ditentukan oleh GAPs) akan dipotong setiap bulan dan akan dimasukkan ke dalam akaun THI. Manakala bank pula akan membeli emas semasa harga emas efektif di Bursa Komoditi. Agen besar di Bursa Komoditi akan berperanan sebagai Bank Kustodian (bank yang menerima simpanan dalam bentuk emas) yang akan menyimpan setiap emas yang dibeli oleh akaun penyimpan. Emas yang terkumpul akan disimpan dalam bentuk *unallocated account*<sup>3</sup>. Apabila sampai tempoh setahun atau tiba masa untuk menunaikan haji, penyimpan boleh

<sup>3</sup> *Unallocated account* berbeza dengan *allocated account* di mana *allocated account* berperanan seperti *safety box* di institusi perbankan yang dikenakan bayaran perkhidmatan penyimpanan. Manakala, *unallocated account* merupakan akaun yang tiada simpanan fizikal emas, cuma nilai sahaja yang disimpan, oleh itu tiada cas untuk simpanan fizikal emas. Emas akan diberi pada masa ia dituntut iaitu mengikut nilai emas semasa yang tersimpan. Lihat M. Lutfi Hamidi (2007)

menuntut kembali pelaburan bersama keuntungan kepada pihak THI. THI akan menghubungi Bank Kustodian untuk memproses emas yang dibeli dan disimpan sepanjang tempoh pelaburan. Bank akan mengembalikan jumlah keseluruhan nilai pelaburan dalam bentuk emas.

#### *ii) Transaksi Menggunakan Dinar dan Dirham*

Di Indonesia terdapat beberapa tempat yang menggunakan transaksi dalam bentuk dinar dan dirham seperti kedai-kedai buku. Di samping itu juga, di sana sudah terdapat pelbagai *wakala* atau syarikat yang mengeluarkan dan mengedar dinar dan dirham. Antara *wakala-wakala* tersebut seperti; Wakala Syauki, Wakala Adina, Wakala Griya Dinar, Wakala IMN, Wakala Ribat Jakarta, Wakala al-Kautsar MUI Depok, GeraiDinar dan banyak lagi (Zaim 2005).

#### *iii) Dinar Emas Sebagai Simpanan, Pembayaran Zakat dan Maskahwin*

Di Indonesia juga sudah terdapat beberapa tempat yang menerima dinar emas sebagai alat bayaran zakat dengan mewujudkan *wakala* atau institusi khas (Hamidi 2007). Selain itu, apabila syiling dinar dan dirham semakin banyak beredar di Indonesia, rakyat Indonesia mula meyakini kelebihan dinar dan dirham dan mereka mula menabung dan menyimpan aset di dalam bentuk dinar dan dirham. Wakala-wakala dinar dan dirham di Indonesia juga memberi perkhidmatan penyimpanan contohnya menabung dalam BADAR yang diwujudkan di bawah Wakala Adina (Zaim 2005).

#### *iv) Dinar Emas Sebagai Pelaburan*

Pelaburan dinar emas telah dilakukan secara rasmi pada tahun 2008

oleh GeraiDinar yang dikendalikan oleh Saudara Muhammin Iqbal (Pemilik GeraiDinar dan Presiden Dinar Club, Indonesia). Pelaburan dinar emas ini berdasarkan prinsip Mudharabah antara *Mudharib* (GeraiDinar) dan *Sohibul al-mal* (pelabur). Peringkat awal program pelaburan ini, *Mudharib* di bawah GeraiDinar adalah terdiri daripada syarikat-syarikat atau wakala percetakan dinar dan Logam Mulia-PT Antam. Pembahagian keuntungan adalah 50% - 50% antara *Mudharib* dan *Sohibul al-mal*. Skim pelaburan ini mendapat sambutan yang baik di kalangan rakyat Indonesia, lebih-lebih lagi daripada syarikat-syarikat yang beraitan dengan dinar dirham cenderung untuk menjadi *Mudharib* dalam skim ini (Muhammin 2009).

### **Penggunaan Dinar Emas Di Malaysia**

Penempaan dinar emas pertama di Malaysia telah dilakukan oleh The Royal Mint of Malaysia (Utusan Malaysia. 2003. 29 Julai). Dinar emas Royal Mint<sup>4</sup> dilancarkan pada 28 Julai 2003 di Shah Alam (Dahinden 2008). Selain itu, pada 21 Mei 2006 Dinar Emas Kelantan telah dilancarkan dan ia ditempa oleh Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd. Terkini terdapat dinar emas yang dikeluarkan oleh Public Fine Gold International Sdn Bhd iaitu pada September 2009. Penempaan ini dipandang positif dalam merealisasikan penggunaan dinar emas kerana ia merupakan langkah pertama dalam memperkenalkan dan mempromosi dinar emas kepada rakyat Malaysia. Apabila kepingan dinar emas mula beredar, pelbagai kaedah penggunaannya mula diperkenalkan antaranya ialah; sebagai mata wang dan transaksi

---

<sup>4</sup> Dinar emas dengan rasminya telah dilancarkan pada 28 Julai 2003 di kilangnya di Shah Alam, Selangor. Pelancaran ini telah disempurnakan oleh Pengarah Urusan Royal Mint iaitu Datuk Megat Mohamed Abdul Wahab. Pengeluaran dinar emas meningkat secara mendadak daripada hanya 300 keping pada masa pelancaran kepada 4000 keping dalam bulan yang berikutnya. Manakala sebanyak 8000 tempahan diterima untuk bulan September 2003, dan sehingga bulan Februari 2004 hampir 100 kilo emas telah digunakan. Lihat Utusan Malaysia 29 Julai 2003.

pembayaran elektronik (e-Dinar dan Web Dinar), pembayaran zakat, urusan haji, pelaburan, simpanan, hadiah dan sebagai hantaran perkahwinan.

### *i) Dinar Emas Sebagai Mata Wang*

Penggunaan dinar emas sebagai mata wang di Malaysia telah dimulakan oleh kerajaan negeri Kelantan. Dinar emas dan dirham perak Kelantan telah dilancarkan pada 16 Ogos 2010 dan sebanyak seribu buah permis perniagaan telah bersetuju menerima pembayaran dalam bentuk dinar dan dirham (Utusan Malaysia, 19 Ogos 2010). Menurut kajian Mazli Alias (2010), penggunaan dinar emas sebagai mata wang sudah telah dipraktikkan di Kelantan, antara tempat yang menerima dinar dan dirham ialah Pasar Besar Siti Khadijah<sup>5</sup>. Sebagai contoh; seorang pembeli yang ingin membeli sepasang baju kurung batik yang bernilai RM340 sepasang, penjual akan memeriksa harga dinar emas pada masa itu melalui agensi pengedaran atau mana-mana cawangan bank. Sekiranya sekeping dinar emas pada masa tersebut bernilai RM300, maka bakinya akan dijelaskan menggunakan ringgit Malaysia. Maka, pembayaran untuk sepasang baju kurung batik yang bernilai RM340 dijelaskan oleh pembeli dengan sekeping dinar emas dan RM40 kepada penjual kain batik tersebut. Selain itu di Kelantan, terdapat beberapa tempat lain di Malaysia yang menerima dinar dan dirham sebagai mata wang ialah di Shah Alam (Kedai Emas W.N Haji Wan Ahmad), Bangi (Restoran dan Cafe Nasi Kukus House) dan Cheras (Klinik Pergigian Dr. Rosni Adam) ( Mazli Alias 2010).

---

<sup>5</sup> Koperasi Pasar Siti Khadijah meletakkan skrin harga dinar dan dirham di puitu utama Pasar Besar Siti Khadijah yang akan memaparkan harga harian dinar dan dirham. Manakala setiap tempat atau kedai yang menerima dinar dan dirham akan memaparkan pelekat WIM (World Islamic Mint) yang tertera perkataan ‘We Accept Dinar and Dirham’ sebagai tanda dinar dan dirham diterima pakai di situ. Lihat Mazli Alias (2010).

## ***ii) Dinar Emas Sebagai Sistem Pembayaran Elektronik- E-Dinar Ltd dan Web Dinar System***

Sehingga hari ini di Malaysia sudah terdapat beberapa transaksi urusniaga yang dijalankan menggunakan unit dinar melalui sistem pembayaran elektronik. Antara sistem telah diaplikasikan ialah sistem E-Dinar yang dibangunkan oleh E-Dinar Ltd. Manakala Web Dinar akan mula beroperasi pada September 2009. E-dinar ialah satu sistem pembayaran dan pertukaran elektronik menerusi internet. E-dinar beroperasi dalam e-dagang yang mana urusan jualbeli online dilakukan dalam nilai emas dan perak. Istimewanya sistem e-dinar kerana ia disokong oleh 100% emas dan perak fizikal<sup>6</sup>. Unit yang digunakan ialah e-dinar dan e-dirham. Fizikal emas dan perak yang menyokong unit-unit e-dinar dan e-dirham ini akan sentiasa sama nilai atau lebih daripada unit-unit e-dinar dan e-dirham dalam edaran. Setiap unit elektronik e-dinar bersamaan dengan berat tepat dan tetap 4.25 gram emas tulen 24k (Dahinden 2008).

Manakala Web Dinar ialah satu sistem perdagangan *online* yang menggunakan nilai dinar emas dalam transaksi pembayaran. Matlamat utama pembangunan sistem ini adalah untuk mewujudkan satu sistem perdagangan secara *online* yang mengikut prinsip syariah dengan mempromosi penggunaan mata wang Islam iaitu dinar emas sebagai satu transaksi yang halal ([www.webdinar.com](http://www.webdinar.com)). Sistem web dinar ini menghasilkan 4 cabang utama iaitu:

- i) Portal D2D
- ii) Kad Dinar (Pendaftaran ahli)
- iii) Mata Wang Dinar Emas (isian semula nilai/*top up*)
- iv) Kad Pembayaran Dinar (menentusahkan bayaran)

---

<sup>6</sup> Contohnya; sekiranya setiap akaun ada baki dinar emas dan dirham secara fizikal. Jika baki dalam akaun ialah 1000 dinar emas, maka di dalam bilik simpanan selamat disimpan emas seberat yang bersamaan dengan 1000 dinar. Sekiranya berat satu dinar 4.25 gram maka, di dalam peti selamat ada disimpan 4250 gram emas

Sebagai permulaan dalam melaksanakan sistem ini, kad dinar emas Islam (IGD) akan ditawarkan kepada pelanggang Bank Islam. Keunikan kad ini ialah:

- i) Mengikut prinsip syariah
- ii) Tidak akan mewujudkan inflasi, manipulasi dan spekulasi

Penggunaan kad IGD untuk barang dan perkhidmatan yang ditawarkan di bawah Bank Islam akan memberi faedah kepada kedua-dua pihak iaitu bank dan pemegang kad. Nilai kad ini boleh digunakan sama ada untuk pembelian barang dan perkhidmatan Islam ataupun untuk mengekalkannya sebagai satu pelaburan. Ini kerana nilai emas tidak sama dengan nilai mata wang kertas yang tidak akan susut nilai dengan inflasi. Di samping itu juga pelanggang (*depositor*) Bank Islam juga akan ditawarkan kad IGD sebagai satu alternatif pembayaran untuk menuaikan haji di Mekah.

### **iii) Pelaburan Dinar Emas**

Pelaburan yang berdasarkan dinar emas di Malaysia dikendalikan oleh e-Qirad Sdn Bhd dan Public Fine Gold International Sdn Bhd. E-Qirad Sdn Bhd merupakan anak syarikat Islamic Mint yang bertanggungjawab dalam penempaan dinar emas di Dubai. E-Qirad Sdn Bhd melantik wakala-wakala (agen) di seluruh dunia bagi mengendalikan pelaburan dinar emas (Zuhaimy 2003, Vadillo 2002). Pelanggan yang membuka akaun simpanan dinar emas berpeluang untuk menyertai pelaburan yang dinamakan Islamic Hybrid Instrument (IHI). Simpanan minima yang diperlukan untuk menyertai pelaburan ini ialah 25 Dinar bagi individu dan 100 Dinar bagi syarikat dan koperasi (KPMJ Gold Sdn Bhd 2006). Pelabur ditawarkan dengan 2 pilihan pelaburan yang menawarkan pulangan pelaburan yang menarik. Pelaburan dinar emas adalah berlandaskan prinsip mudharabah. Contoh pelaburan

dinar emas yang dikendalikan oleh Koperasi Permodalan Melayu Johor<sup>7</sup> adalah seperti jadual berikut:

**Jadual 2.2 : Pilihan Pelaburan Emas III**

	PILIHAN 1	PILIHAN 2
Pengiraan Tempoh Pelaburan	Modal dan keuntungan ditambat pada harga dinar yang dibeli pada awal pelaburan. Ini bermakna harga dinar emas pelabur tidak akan berubah sepanjang tempuh pelaburan. Pelabur tidak perlu risau tentang perubahan harga emas di pasaran dunia.	Modal dan keuntungan bergantung pada harga pasaran semasa. Harga dinar pelabur berubah mengikut harga pasaran emas semasa dunia.
Tempoh Pelaburan	Tempoh pelaburan ialah 24 atau 36 bulan.	Tempoh pelaburan ialah 12 bulan, 24 atau 36 bulan
Cara Pembayaran	Keuntungan dibayar dalam ringgit Malaysia setiap bulan. Keuntungan mula dinikmati sebulan selepas pelaburan bermula.	Keuntungan dibayar dalam dinar emas setiap bulan dan dikreditkan ke akaun dinar pelabur di KPMJ Gold.
Kadar Keuntungan	Kadar keuntungan antara 8% hingga 9% setahun (anggaran paling minimum).	Kadar keuntungan ialah 11% setahun (anggaran paling minimum).

<sup>7</sup> Koperasi Permodalan Melayu Johor merupakan salah satu wakala Islamic Mint yang terdapat di Malaysia. Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad (KPMNJ) telah mengorak langkah dengan menjadi koperasi pertama di negara ini menjalankan urusan perniagaan Dinar Emas dan Dirham Perak. KPMNJ melalui anak syarikat milik penuhnya, KPMJ Gold Sdn. Bhd. Telah berjaya mendapatkan hak untuk menjadi Wakala atau wakil jualan Dinar Emas daripada IGD Practice Sdn. Bhd. (IGD Practice). KPMJ Gold telah memulakan urusan perniagaan Dinar Emas dan Dirham Perak secara rasminya pada 17 Februari 2005. Lihat Mohd Ali (2006).

Modal	<p>Modal pelaburan akan dipulangkan dalam nilai ringgit Malaysia setelah tamat tempuh pelaburan. Modal pelaburan adalah terjamin.</p>	<p>Modal pelaburan akan dipulangkan dalam bentuk dinar emas selepas tamat tempoh pelaburan. Modal pelaburan terjamin (nilai ringgit Malaysia bergantung pada harga pasaran semasa dinar emas)</p>
-------	---	---

Sumber: KPMJ Gold Sdn Bhd. 2006

Manakala, Public Fine Gold International Sdn Bhd pula merupakan sebuah syarikat<sup>8</sup> yang membuat aktiviti menjual dan membeli emas untuk pelaburan dengan harga menarik dan kualiti 24K. Ia menawarkan syiling emas dan jongkong emas kepada pembeli. Untuk syiling emas terdapat syiling emas Public Gold 50 gram (emas 24K) dan Dinar Emas Public Gold manakala bagi jongkong emas pula, terdapat dalam saiz 20 gram, 50 gram dan 1 Kg (emas 24K)<sup>9</sup>. Dinar emas Public Gold merupakan produk terbaru yang dikeluarkan dalam 3 nilai iaitu 1 dinar, 5 dinar dan 10 dinar.

---

<sup>8</sup> Nama syarikat ini ialah Public Fine Gold International Sdn. Bhd.. Alamatnya: Public Fine Gold International Sdn Bhd (818840-U),12E Ground Floor, Jalan Rumbia,11900 Bukit Jambul, Penang. Tel : 04-644 9999. Untuk maklumat lanjut boleh layari laman web Laman web syarikat Public Gold di [www.publicgold.com.my](http://www.publicgold.com.my)


<sup>9</sup> Terdapat dua cara pembelian emas ini sam ada pembelian terus di syarikat ini berpusat di Pulau Pinang atau Public Gold akan menghantar kontrak melalui emel atau fax kepada pelabur. Pelabur perlu tandatangan kontrak ini dan hantar balik kepada Public Gold. Untuk pembayaran pula, pelabur boleh bayar 30% deposit daripada harga emas tersebut dan bakinya dijelaskan ketika menerima emas ataupun bayar 100% sewaktu tempahan emas tersebut (bank-in ke dalam akaun bank Public Gold). Untuk keterangan lanjut, sila rujuk <http://www.publicgold.com.my/content/view/39/69/>

**Jadual 2.3 : Spesifikasi Dinar Emas Public Gold**

	1 DINAR	5 DINAR	10 DINAR
<b>Bentuk</b>			
<b>Diameter</b>	20 Mm	32 Mm	38 Mm
<b>Logam</b>	Emas	Emas	Emas
<b>Berat</b>	4.25 Gram	21.25 Gram	42.5 Gram
<b>Ketebalan</b>	0.72 Mm	1.5 Mm	2.18 Mm
<b>Ketulenan</b>	916.6	916.6	916.6

Sumber: Public Gold. 2009. <http://www.publicgold.com.my>. [9 Jun 2009]

Gambar 2.15 Sijil Ketulenan Dinar Emas Public Gold<sup>10</sup>



Sumber: Public Gold. 2009. <http://www.publicgold.com.my>. [9 Jun 2009]

Menurut Zuhaimy (2003) dan Jamil Khir (2009), simpanan dinar emas sebagai aset merupakan satu pelaburan yang baik berbanding dengan pelaburan-pelaburan biasa yang tidak berdasarkan emas. Pelaburan dinar emas akan memberi jaminan nilai dan lebih

<sup>10</sup> Setiap pembelian dinar emas Public Gold akan disertakan dengan sijil ketulenan.

selamat. Manakala, Umar Azmon<sup>11</sup> (2002) menyatakan 10 sebab untuk masyarakat Malaysia memilih emas sebagai pelaburan:

- i) Tiada risiko kehilangan semua wang walaupun nilai pasaran emas sentiasa berubah.
- ii) Kadar pertukaran lebih perlahan dan stabil berbanding dengan pelaburan instrumen lain.
- iii) Tidak membawa risiko kredit dan merupakan aset yang selamat.
- iv) Emas lebih cair berbanding aset alternatif lain.
- v) Emas bukan tanggungan sesiapa.
- vi) Mempunyai rekod jangka panjang yang baik dalam mengekalkan nilai sebenar.
- vii) Selamat dan aset kewangan yang terjamin.
- viii) Komoditi yang bernilai dan kukuh yang mempunyai potensi untuk nilai yang sentiasa meningkat.
- ix) Digunakan sebagai alat terhadap inflasi.
- x) Satu objek perhiasan dan kecantikan yang tiada tandingan.

***iv) Dinar Emas Sebagai Pembayaran Zakat dan Maskahwin***

Dinar Emas Kelantan (DEK) yang dilancarkan pada 21 Mei 2006 telah memberi peluang kepada rakyat Kelantan khasnya dan masyarakat Malaysia amnya dalam menikmati kelebihan dinar emas dalam pelbagai aktiviti. DEK dapat digunakan sebagai simpanan, pelaburan, pembayaran zakat, cenderamata dan sebagai hantaran perkahwinan. Kelantan menjadi negeri pertama di Malaysia yang menerima pembayaran zakat dalam bentuk dinar emas. Masyarakat Kelantan boleh membayar zakat dan mendapatkan dinar emas di

---

<sup>11</sup> Umar Azmon Amir Hamzah merupakan Pengarah Urusan Dinar Dirham International Sdn Bhd

semua 8 cawangan kedai gadaian Islam Kelantan ([www.dinarkel.com](http://www.dinarkel.com) 23 Sept 2008). Manakala penggunaan dinar emas sebagai hantaran perkahwinan juga sudah mula diamalkan oleh sejumlah masyarakat di Malaysia. Pada tahun 2001 pasangan artis Malaysia, M. Nasir dan Marlia Musa menjadi pasangan terawal yang menjadikan dinar emas sebagai maskahwin.

### **Penggunaan Dinar Emas Di Norwich, United Kingdom**

Penduduk Islam di Norwich, United Kingdom telah lama mempraktikkan penggunaan unit mata wang emas dinar dan perak dirham sebagai transaksi dalam urusniaga mereka. Sebelum ini hanya sekelompok kecil sahaja yang mengamalkannya di pasar bebas mingguan mereka. Namun, bermula bulan Mei 2009 mereka telah memperkenalkan satu pasar berasaskan “Hubungan Perdagangan Terbuka”. Matlamat utama perdagangan ini adalah untuk mempromosi satu model alternatif perdagangan ‘bebas’ (<http://www.muslimsofnorwich.org.uk>, 7 Mac 2011). Program ini mendapat sokongan padu daripada pengeluar tempatan dan persendirian, usahawan dan ahli komuniti Islam-EMU. Pasar ini diselenggara berdasarkan ‘*open market*’ dan diadakan selama dua hari yang bertempat di bandar Norwich. Peniaga tidak akan dikenakan bayaran sewa tapak dan semua ruang dalam pasar tersebut adalah percuma. Terdapat kira-kira 20 gerai dalam pasar ini dan terdiri daripada gerai makanan dan minuman, gerai buku, barang kecantikan dan perkhidmatan urutan (Morrison 2009).

Pasar bebas ini merupakan satu amalan yang amat bermakna kepada umat Islam khasnya kerana apabila unit dinar dan dirham dipraktikkan dalam keadaan sebenar kelebihan dinar dirham akan dapat dirasakan. Contohnya pemilik gerai minuman, secara peribadinya dia memperolehi sekitar €40 perak dalam pertukaran untuk coffee dalam tempoh dua hari tersebut. Namun, selepas minggu tersebut dia memperolehi sekitar nilai €100 pertukaran syiling perak untuk

digunakan dalam pasar biasa. Maka, tidak hairanlah penduduk Islam di Norwich ramai yang menyimpan dinar dan dirham sebagai aset mereka (Morrison 2009).

### **Dinar Emas Di Afrika Selatan**

#### *i) Percetakan dan Penempaan Dinar dan Dirham*

Penduduk Islam di Cape Town, Afrika Selatan mengamalkan cara hidup Islam dengan berusaha menegakkan sistem perlantikan dan pemerintahan khalifah. Sehubungan dengan itu, pelantikan seseorang pemerintah di sana mengikut kelayakan dan menjalankan seperti yang telah digariskan pada zaman Khalifah Uthman al-Affan. Terdapat lima tanggungjawab besar pemerintah Islam di Cape Town termasuk mencetak syiling dinar dan dirham dan mengawasi kesesuaianya dengan ketetapan syariah. Standard yang dipakai adalah dengan standard yang telah ditetapkan oleh Khalifah Umar bin al-Khattab iaitu satu keping dinar emas seberat 4.25gram 22 karat dan dirham seberat 3 gram perak (Zaim 2007). Syiling dinar dan dirham di sini ditempa oleh Islamic Mint di bawah Worl Islamic Trade Organizasion (WITO)

#### *ii) Penggunaan Dinar dan Dirham Sebagai Alat Pembayaran Zakat dan Transaksi Harian*

Selain itu, tanggungjawab pemerintah Islam Cape Town juga perlu menguruskan pelaksanaan sistem zakat mengikut rukun syariah sekaligus menegakkan pembayaran zakat menggunakan dinar dan dirham. Pengamalan menggunakan syiling dinar dan dirham telah lama berlangsung di Cape Town sehingga ke hari ini. Manakala, penggunaan dinar dan dirham dalam transaksi harian mereka juga turut diamalkan di beberapa tempat di wilayah Cape Town. Biasanya ia di amalkan oleh golongan Murabitun yang dipimpin oleh Syeikh al-Sufi Abd Kadir al-Murabit.

## **Hasil Kajian**

Berdasarkan pencerakinan ke atas empat buah negara tersebut mendapati bahawa:

- a) Segelintir masyarakat dunia sudah menyedari tentang keistimewaan dinar emas sebagai mata wang dan sebagai satu aset yang bernilai. Hanya sekelompok kecil masyarakat sahaja yang menerima transaksi dinar emas:

Malaysia – Masyarakat di negeri Kelantan

Indonesia – Jakarta (kebanyakkan pengikut Syeikh Abdul Qadir al-Murabit)

Afrika Selatan – Masyarakat Islam di kawasan Cape Town (golongan Murabitun) iaitu pengikut kepada Syeikh Abdul Qadir al-Murabit.

United Kingdom – Hanya komuniti kecil Islam di Norwich.

- b) Aplikasi dinar emas pada zaman moden ini adalah lebih tertumpu kepada simpanan dan pelaburan. Penggunaan sebagai mata wang masih belum digunakan secara meluas. Ini menunjukkan dinar emas lebih banyak digunakan sebagai komoditi berbanding sebagai mata wang beredar dalam realiti ekonomi semasa.
- c) Usaha dan kesedaran segelintir masyarakat dunia hari ini terhadap keistimewaan dinar emas sama ada sebagai aset atau sebagai mata wang menunjukkan bahawa agenda untuk mengembalikan fungsi dinar emas dalam sistem kewangan adalah tidak mustahil.

## Kesimpulan

Sistem mata wang hari ini yang tidak didasari dengan emas telah mengundang masalah inflasi dan spekulasi mata wang. Sepanjang sistem apungan berlangsung pelbagai krisis ekonomi telah berlaku iaitu bermula dengan zaman kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1933 (*The Great Depression*), krisis Peso Mexico pada tahun 1995, krisis kejatuhan nilai mata wang negara-negara Asian (1997/98), krisis Rubel di Rusia pada tahun 1998 dan yang terkini krisis ekonomi global yang berlaku pada tahun 2008. Krisis ekonomi ini berlaku kerana wujudnya ketidakstabilan nilai mata wang fiat yang diguna pakai dalam sistem kewangan hari ini. Mata wang dunia hari ini rata-rata bersandarkan kepada dolar Amerika Syarikat. Nilai dolar akan berubah mengikut perubahan kadar inflasi dan pelakuan spekulasi yang berlaku dalam pasaran wang. Keadaan ini akan mempengaruhi jumlah permintaan dan penawaran dolar. Oleh yang demikian, cadangan mengembalikan penggunaan dinar emas sebagai mata wang merupakan satu alternatif dalam mengawal ketidakstabilan nilai mata wang. Ini kerana emas merupakan *real money* yang mempunyai kadar kestabilan yang lebih terjamin tanpa dipengaruhi dengan oleh undang-undang permintaan dan penawaran (*law of demand and supply*), bebas dari inflasi, riba, *gharar* (keraguan), *maysir* (perjudian) dan unsur-unsur spekulatif lain.

Justeru itu, kelebihan dan keistimewaan penggunaan mata wang dinar emas mula dirasai dan disedari oleh masyarakat dunia. Setiap negara mempunyai pendekatan yang berbeza dalam mengaplikasi penggunaan dinar emas namun, matlamat dan misi adalah sama iaitu untuk memartabatkan kembali mata wang yang memenuhi tuntutan syarak iaitu mata wang dinar emas. Perkembangan penerimaan penggunaan dinar dan dirham di beberapa

negara di dunia membuktikan dinar emas semakin dipercayai dan diyakini oleh segelintir masyarakat dunia. Negara-negara seperti Malaysia, Indonesia, United Kingdom (Norwich) dan Afrika Selatan merupakan antara negara yang terawal cuba memartabatkan penggunaan dinar dan dirham di dunia moden ini. Bentuk-bentuk pelaksanaan tersebut adalah seperti menjadikan dinar emas sebagai instrumen dalam pelaburan, alat pembayaran zakat & mas kahwin, simpanan untuk menunaikan haji, simpanan *wadi'ah* dan juga dijadikan sebagai hadiah atau cenderamata. Kajian lanjutan boleh dilakukan dengan meneliti kekangan dan halangan dalam sesebuah negara bagi mengaplikasikan dinar emas sebagai mata wang. Dengan demikian, keharmonian sistem kewangan Islam dapat direalisasikan.

### Rujukan

- Ahamed Kameel Mydin Meera. 2002. *The Islamic Gold Dinar*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Ahmad Hasan. 1999. *al-Awraq al-Naqdiyyah al-Iqtisadi al-Islamiy: Qimmatuha wa Ahkamuha*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- al-Maqrizi, T. a.-D.-I. 1957. *al-Ighathah al-'Ummah bi Kasyfi al-Ghummah*. Kaherah: Matba'ah Lil-Jannah.
- Anwar Zainal Abidin. 2002. Sejarah Penggunaan Mata Wang Dinar. *Seminar Dinar Peringkat Kebangsaan* (pp. 6-7). Kuala Lumpur: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Cyri, I. G., & Huston, S. 2002. *The new encyclopedia of Islam By*. Walnut Creek, CA: AltaMira Press.
- Dahinden, Z. 2008. Interview with E-Dinar's CEO Dr. Zeno Dahinden: Analysis of The World Finance System. *DGC Magazine*.
- Dawud, H. A. 1997. *Taghayyur al-qimah al-syiraiyyah li al-nuqud al-waraqiyah*. Amman: University of Jordan.

- Guyer, J. I., & Stiansen, E. 1999. *Credit, Currencies and Culture: African Financial Institutions in Historical Perspective*. Stockholm: Almqvist & Wiksell International.
- Hamidi M. Lutfi. 2007. *Gold Dinar: Sistem Monitor Global Yang Stabil dan Berkeadilan*. Jakarta: Senayan Abadi Publications.
- Hosein, I. N. 2008. *Dinar Emas dan Dirham Perak: Islam dan Masa Depan Wang*. Kuala Lumpur: Darul Fikir
- Jamil Khir 2009, Teks Perasmian, *Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia
- KPMJ Gold Sdn Bhd. 2006. *Risalah Syarikat*. Johor: KPMNJ Gold Sdn Bhd
- Mahathir Mohamad 2000, *Krisis matawang Malaysia : Bagaimana dan Mengapa Ia Berlaku*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications
- Mahathir Mohammad. 2000. *Krisis Mata Wang Malaysia: Bagaimana dan Mengapa Ia Berlaku?* Kuala Lumpur: Pelanduk Publications
- Mohd Ali Hassan. 2006. Dinar Emas dan Qirad Untuk Warga Koperasi. *Majalah Nasional Angkasa*
- Morrison, A. 2009. An Oasis Of Sanity. *Globalia Magazine*, p. [www.globaliamagazine.com](http://www.globaliamagazine.com).
- Muhaimin Iqbal. 2009. *Dinar The Real Money: Dinar Emas, Wang dan Investasiku*. Jakarta: Gema Insani.
- Muhammad al-Haj Nasir. (t.th). al-Muamatat al-Islamiyyat wa taghyir al-umlah qimatan wa aynan. *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islamiyy*, pp. 1870-1894.
- Muhammad Mazli Alias 2010, Dinar & Dirham: Penggunaan Terkini 2010, *Minisiri Dinar Emas*, pada 22 Disember 2010 di PWTC, Kuala Lumpur
- Muhammad Nasri Haji Hussain dan Azizi Abu Bakar. 2004. Potensi Dinar Emas Sebagai Matawang Utama Dunia: Teori dan Praktis. *Prosiding Seminar Kebangsaan Perbankan dan Kewangan Islam 2004*. Kuala Lumpur

- Nik Mahani Mohamad. 2009. *Between Islamic Banking and The Gold Dinar- a Compilation of Papers and Articles*. Kuala Lumpur: Saba Islamic Media Sdn Bhd.
- Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Hanifah Abdul Hamid dan Bakhtiar al-Razi. 2004. *The Mechanisme of Gold Dinar*. Kuala Lumpur: A.S Noorden.
- Pamuk, S. 2000. *A Monetary History of The Ottoman Empire*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Saiful Azhar Rosli dan ‘Imad Rafiq Barakat. 2002. The economics though of al-Maqrizi: The role of the dinar dan dirham. *International Conference on Stable and Just Global Monetary System*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa.
- Salmy Edawati Yaacob dan Sanep. 2009. Aplikasi Semasa Penggunaan Dinar Emas di Dunia: Satu Tinjauan Umum di Indonesia, Malaysia, Afrika Selatan dan United Kingdom. *Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar* (pp. 361-371). Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Umar Azmon Amir Hamzah. 2002. Penggunaan mata wang dinar dalam era globalisasi. *Seminar Dinar Peringkat Kebangsaan*. Kuala Lumpur: USIM
- Utusan Malaysia 2002. 29 Jun
- Utusan Malaysia 29 Julai 2003.
- Utusan Malaysia, 19 Ogos 2010
- Vadillo, U. I. 2002. *The Return of the Islamic Gold Dinar*. South Africa: Madinah Press.
- Zaim Saidi. 2005. *Kembali Ke Dinar: Tinggalkan Riba Tegakkan Muamalah Zaim Saidi*. Jakarta: Pustaka Adina.
- Zuhaimy Ismail. 2003. *Kembalinya Dinar Emas dan Dirham Perak*. Johor : UTM Skudai.
- [www.dinarkel.com](http://www.dinarkel.com) 3 April 2011.
- [www.muslimsofnorwich.org.uk](http://www.muslimsofnorwich.org.uk), 7 Mac 2011.

[www.publicgold.com.my](http://www.publicgold.com.my), 4 April 2011.

[www.publicgold.com.my](http://www.publicgold.com.my), 9 Jun 2009.

[www.publicgold.com.my/content/view/39/69/](http://www.publicgold.com.my/content/view/39/69/), 4 April 2011.

[www.webdinar.com](http://www.webdinar.com), 4 April 2011.